



# MANUAL KHUTBAH JUMAAT




TAJUK ;  
DIDIK DIRI JADI  
PENGGUNA BIJAK



ISLAMIC - SAUQUUR - OBEDIENCE

Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor





**"DIDIK DIRI JADI PENGGUNA BIJAK".1**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ ﴿٢﴾	2
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آئِلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.	4
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾	4
<b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b>  Marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita akan digolongkan dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang beroleh kejayaan di dunia dan akhirat.	5
Tajuk khutbah pada hari ini ialah <b>"DIDIK DIRI JADI PENGGUNA BIJAK".</b>  <b>Muslimin yang berbahagia,</b>	6



Sesungguhnya Islam adalah agama yang lengkap lagi sempurna. Agama yang mengatur semua sistem kehidupan manusia, sama ada hubungan dengan Allah SWT ataupun hubungan sesama manusia. Muamalat kepenggunaan seperti jual beli, sewa menyewa, pajak gadai, hutang piutang dan seumpamanya adalah antara sistem yang mengatur tatacara muamalat sesama manusia. Ia bukan sahaja merupakan satu transaksi perpindahan milik atau manfaat barangan malah ia bermatlamat memelihara setiap unsur di dalamnya seperti unsur kerelaan dan keredaan.

7

Allah SWT menegaskan sebagaimana firman-Nya di dalam surah an-Nisa ayat 29:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ  
تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ  
بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٢٩﴾

8

*"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu."*

9

**Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,**

Dalam memahami asas dan prinsip kepenggunaan, ia membawa kita kepada tafsiran untuk mencari keredaan Allah SWT terhadap harta dan barangan halal lagi baik yang dapat memberi manfaat kepada pengguna.

10



Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 168:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطَوَاتِ  
الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿١٦٨﴾

11

*“Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.”*

12

Peringatan Allah SWT ini amat jelas kepada kita sebagai penjual dan pengguna yang membeli barangan. Sedar akan amaran Allah ini, maka tidak timbul soal penipuan bekalan, harga barangan, pencatutan, cetak rompak, menjual barangan tiruan, menipu status logo halal, memperdaya dalam skim piramid jualan langsung dan juga penipuan jual beli dalam talian dan sebagainya.

13

Dalam suasana ekonomi yang tidak menentu dan kos sara hidup yang semakin meningkat, kita perlu menjadi pengguna yang bijak, lebih prihatin dan berhati-hati pada setiap masa.

14

Ada hak kita sebagai pengguna yang perlu kita tahu, antaranya hak untuk mendapatkan keperluan asas, hak untuk mendapat barangan dan perkhidmatan yang selamat, hak untuk mendapatkan maklumat, hak untuk membuat pilihan, hak untuk menyuarakan pendapat, hak untuk mendapat ganti rugi, hak untuk mendapat pendidikan pengguna dan hak untuk hidup merasai alam sekitar yang sihat serta selamat.

15



Kenapa kita sering tertipu? Sepatutnya kita jadi pengguna yang lebih berhati-hati dan sentiasa berwaspada dalam setiap urusan yang kita lakukan. Pengguna yang bijak akan mengutamakan keperluan berbanding kehendak, berfikir rasional dan tidak mudah tertarik dengan anasir-anasir yang membawa mereka berbelanja melebihi keperluan dan kemampuan sehingga berlaku kepada pembaziran.

16

Pengguna yang bijak akan membuat perbandingan harga terlebih dahulu. Amalan ini dapat membantu menjimatkan kos perbelanjaan dan hasil penjimatan tersebut dapat memberikan pulangan untuk dijadikan simpanan.

17

Pengguna yang bijak perlu mengelak daripada berhutang. Sekiranya tiada kemampuan, pengguna sewajarnya memilih untuk tidak membeli bukan menggunakan jalan pintas seperti menggunakan kad kredit dan sebagainya.

Pengguna yang bijak sentiasa sedar bahawa ajaran Islam sangat mementingkan kesederhanaan dalam erti kata tidak terlalu kikir atau kedekut dan juga tidak terlalu boros atau membazir sehingga tidak mensyukuri nikmat kurniaan Allah SWT.

18

Berbelanjalah sekadar mengikut keperluan. Janganlah terpengaruh dengan trend dan rakan-rakan bila berbelanja hingga melebihi pendapatan. Ibarat mengukur baju biarlah di badan sendiri.

Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Furqan ayat 67:

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا ﴿٦٧﴾

19



*Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.*

20

### **Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita menghayati tiga perkara berikut sebagai panduan dalam hidup kita, antaranya:

1. Umat Islam hendaklah sentiasa berfikir untuk kebaikan dan manfaat orang lain serta mencari keredaan Allah SWT terhadap apa sahaja yang diurus, dibeli dan dijual.
2. Umat Islam wajib menitikberatkan soal halal dan haram dalam kehidupan seharian dengan tidak mengutamakan keuntungan semata-mata sedang orang lain menderita dan sengsara.
3. Umat Islam hendaklah insaf dan takut dengan azab Allah SWT atas segala perbuatan mengambil kesempatan, menekan dan menipu para pengguna demi mengejar keuntungan dan kemewahan hidup di dunia ini.

21

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ <sup>وَوَصَلِحْ</sup> فَلَا تَغُرَّنَّكُمُ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَلَا يَغُرَّنَّكُمُ  
بِاللَّهِ الْغُرُورُ ﴿٥٠﴾

22



<p><i>“Wahai umat manusia, sesungguhnya janji Allah (membalas amal kamu) adalah benar; maka janganlah kamu diperdayakan oleh kemewahan hidup di dunia, dan janganlah Syaitan yang menjadi sebesar-besar penipu itu berpeluang menyebabkan kamu terpedaya dengan (kemurahan) Allah (lalu kamu lalai dan menderhaka).”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Fatir: 5).</i></p>	23
<p>بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	24
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	25



## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،	9
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	10
اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِي عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	11
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظُفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).	16
اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.	17



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾	18
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾	19
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	20